

Manila seharusnya meminta maaf — PM

UM 16 OCT 2002

KUALA LUMPUR 15 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Filipina seharusnya memohon maaf dari Malaysia kerana terburu-buru membuat kesimpulan berhubung kes gadis berusia 13 tahun yang didakwa dirogol dalam Pusat Tahanan Sementara di Sabah.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, Filipina sepatutnya mempunyai rasa sensitif dan berhati-hati dalam membuat kenyataan mengenai perkara yang boleh menjejaskan hubungan baik antara kedua-dua negara.

Bagaimanapun, beliau memberitahu, Malaysia tidak akan menghantar surat rasmi agar kerajaan Filipina memohon maaf.

“Saya fikir mereka (kerajaan Filipina) perlu (meminta maaf) kerana terus membuat kesimpulan (polis) kita merogol orang,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Nuklear Antarabangsa 2002 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, hari ini.

Semalam Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Filipina perlu meminta maaf kerana kini terbukti gadis berkenaan adalah rakyat Malaysia.

Kelmarin Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Ramli Yusuff menyatakan bahawa ujian DNA menunjukkan gadis itu adalah rakyat negara ini.

Ujian berkenaan 99 peratus positif menunjukkan mangsa adalah anak kepada pasangan yang kini berada di Sabah.

Kes berkenaan mendapat perhatian Dr. Mahathir apabila Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo menulis surat kepadanya meminta kerajaan Malaysia menyasat perkara tersebut kerana gadis berkenaan dikatakan rakyat Filipina.

Mengulas lanjut Dr. Mahathir berkata, Filipina sepatutnya membuat laporan kepada Malaysia mengenai kes rogol tersebut dan tidak membesar-besarkan perkara itu dalam media.

“Walaupun terdapat kes rogol,

siyasatan harus dilakukan terlebih dahulu sebelum sebarang kesimpulan dibuat mengenainya.

“Kalau ada kes, laporkan kepada kita dan kita akan siasat,” ujarnya.

Sementara itu, mengulas kejadian letupan di Bali Indonesia malam Sabtu lalu, Dr. Mahathir berharap ia tidak akan memberikan kesan besar kepada ekonomi negara.

“Seperti yang anda dapat saksikan kejadian tersebut telah memberi kesan kepada pasaran saham di seluruh dunia,” ujarnya.

Mengenai dakwaan pelbagai organisasi Islam di Indonesia bahawa letupan tersebut mungkin didalangi oleh pihak asing termasuk Amerika Syarikat (AS), beliau berkata, perkara tersebut bergantung kepada pendapat masing-masing.

“Tak tahulah, barang kali dia ada bukti-bukti tertentu, saya tidak tahulah,” ujarnya.